



KENYATAAN MEDIA

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)

PENAFIAN BERHUBUNG PELANTIKAN EJEN/ INDIVIDU BAGI PENGAMBILAN JURURAWAT GRED U29 DI KKM

6 JUN 2018

Berhubung isu pelantikan ejen atau individu bagi pengambilan Jururawat Gred U29 yang menjadi tular baru-baru ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin menjelaskan bahawa KKM tidak pernah memberi kuasa atau melantik mana-mana individu atau kumpulan untuk bertindak sebagai ejen atau wakil bagi melaksanakan urusan pengambilan Jururawat berkenaan.

KKM ingin menegaskan bahawa pengambilan Jururawat Gred U29 di KKM pada masa ini hanya dilaksanakan di kalangan graduan lepasan Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) manakala urusan pelantikan ke jawatan berkenaan adalah melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) sebagai Pihak Berkuasa Melantik.

Sekiranya terdapat mana-mana individu atau kumpulan yang mendakwa menjadi ejen atau wakil KKM bagi membuat pelantikan Jururawat Gred U29 di KKM maka pihak KKM berharap agar perkara tersebut dilaporkan terus kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM). KKM tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang berkaitan dengan penggunaan mana-mana individu atau ejen bagi tujuan berkenaan.

Dato' Seri Dr Chen Chaw Min
Ketua Setiausaha
KKM